

Dr. Mahathir selar golongan pesong fikiran rakyat

24 OCT. 1992

MACHANG 23 Okt. — Perdana Menteri hari ini menyelar pihak-pihak tertentu yang memesongkan fikiran rakyat dengan wawasan akhirat ciptaan mereka dan menolak Wawasan 2020 tetapi pada masa yang sama pihak itu bersaing untuk mendapatkan kuasa di dunia ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, golongan itu mencipta wawasan tersebut semata-mata untuk matlamat politik mereka dan bukan untuk tujuan agama.

Berucap merasmikan Konsvensyen LJMNO Kelantan 1992 bertemakan "Bersatu Menyelamatkan Kelantan" di padang Sekolah Menengah Hamzah di sini hari ini beliau berkata, pihak itu cuma mahu mengabui rakyat untuk menumpukan perhatian kepada akhirat semata-mata tanpa memperdulikan dunia.

"Tetapi pada masa yang

sama pihak-pihak itu pula mengejar untuk menjadi Menteri Besar, ahli Exco dan sebagainya," tegas beliau yang membangkitkan perkara itu kerana ada pihak-pihak tertentu di Kelantan yang mengajak rakyatnya menolak Wawasan 2020 dan menerima wawasan akhirat.

Dicipta

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri berkata, wawasan itu dicipta sebagai alat untuk mendapatkan sokongan rakyat dengan menggunakan agama sebagai matlamat mereka.

"Ia dicipta semata-mata kerana matlamat politik dan bukan agama," tegas beliau.

Dr. Mahathir berkata, Wawasan 2020 telah dicipta untuk mengimbangi di antara kehendak dunia dan akhirat.

"Kita tidak mahu melihat rakyat kita menderita seperti yang berlaku di Somalia atau di Bosnia, tetapi sebaliknya mahu membangunkan rakyat dengan ilmu pengetahuan yang tinggi tanpa mengketepikan budaya dan agama.

"Jika itu telah dicapai, maka pada masa itu kita bukan sahaja dapat menegur kejadian yang berlaku seperti di Bosnia tetapi juga dapat mengambil tindakan sesuatu untuknya," katanya di hadapan beribu-ribu rakyat yang membanjiri padang sekolah itu.

Ucapan beliau yang panjang lebar itu juga mengajak rakyat Kelantan kembali bersatu padu dalam sebuah parti iaitu UMNO dan Barisan Nasional (BN) bagi menjamin kesejahteraan mereka.

Bercakap kepada pemberita mengenai soal yang sama selepas itu, beliau berkata, LJMNO perlu menerangkan hasil per-

juangannya hingga sekarang yang dapat mewujudkan institusi demokrasi di negara ini.

"Kita perlu menerangkan perjuangan UMNO yang ramai orang sudah lupa, segala-gala yang ada sekarang adalah hasil perjuangan UMNO tetapi bila UMNO berjaya membebaskan negara ini, datanglah orang lain untuk mengail keuntungan yang dinikmati itu untuk diri sendiri.

"Jika kita tidak terangkan ini, orang akan lupa perjuangan UMNO dan mereka akan tertarik dengan janji-janji pihak lain dan mereka tidak akan bersatu di bawah UMNO...jadi penerangan harus diterangkan kepada semua rakyat Kelantan," jelas beliau ketika ditanya berhubung ucapannya yang mahu rakyat Kelantan bersatu di bawah UMNO.